

17/03/1998

PM sah hadir penutup Sukma VII

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menghadiri majlis penutup Sukan Malaysia VII (Sukma VII) dan sekali gus menyempurnakannya di Stadium Shah Alam, 26 April ini.

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Sukma VII, Datuk Dr Sabree Salleh, berkata pihaknya sudah menerima surat rasmi daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang menyatakan kesanggupan Perdana Menteri melakukan upacara penutup temasya itu.

"Kami amat berbesar hati dengan kesanggupan Perdana Menteri dan bagi pihak pengelola, mengucapkan ribuan terima kasih. Moga-moga kehadirannya nanti menjadikan upacara penutup sukan ini lebih gemilang," katanya semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri dijangka tidak akan menghadiri majlis penutup temasya itu berikutan tiada kelapangan kerana tarikh yang ditetapkan penganjur, iaitu 27 April, jatuh pada hari Awal Muharram.

Bagaimanapun, pengelola membuat keputusan mempercepatkan sehari majlis penutup itu. Malah, keputusan yang dibuat itu lebih bijaksana kerana menghormati Awal Muharram.

Namun, acara perasmian yang dilakukan Pemangku Raja Selangor, yang dijadualkan 18 April, berjalan seperti biasa.

Sementara itu, Dr Sabree berkata pihaknya masih menunggu sijil pengiktirafan daripada Kesatuan Renang Amatur Malaysia (Asum) mengenai Kompleks Renang yang berharga RM45 juta berhampiran Stadium Shah Alam.

"Dalam lawatan minggu lalu, wakil Asum turut menyertainya dan mereka berpuas hati dengan kompleks itu serta berjanji akan menyerahkan sijil pengiktirafan.

"Kami berharap ia dapat diserahkan segera. Jika gagal, segala rekod yang dicipta dalam kejohanan kali ini tidak akan diiktiraf," katanya.

(END)